

Naik pangkat lebih baik dari naik gaji

SINAR HARIAN 6/4/2018

KUANTAN - Kenaikan pangkat kepada penjawat awam di seluruh negara dilihat lebih relevan berbanding dengan kenaikan gaji.

Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail berkata, ini kerana bersesuaian dengan penambahan jenis-jenis tugas mengikut peredaran masa yang memerlukan penjawat awam dinaikkan pangkat selepas 10 tahun berkhidmat dalam sesuatu bidang.

"Saya lihat ia satu intensif yang baik untuk penjawat awam untuk merasai peluang kenaikan pangkat secara wajib dan pasti akan memberikan peluang yang baik kepada mereka untuk terus memberi

khidmat cemerlang," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Anugerah Pengkhidmatan Cemerlang dan Pekerja Terbaik Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) 2017 dan Pengkhidmatan Setia 2018 di Dewan Bangunan Baharu Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), di sini, semalam.

Seramai 102 kakitangan MPK menerima penghargaan setelah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2017.

Turut hadir, Yang Dipertua MPK, Datuk Fadzilla Salleh dan Setiausahanya, Hamiza Hamzah.

Sementara itu, Muhammad Safian turut menyifatkan intensif yang di-

umumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, kelmarin, satu khabar gembira kepada penjawat awam apabila satu lagi kenaikan gaji tahunan, di samping pergerakan gaji tahunan yang diterima bagi tahun ini.

Menurutnya, penjawat awam sepatutnya berasa beruntung dengan kenaikan tangga gaji kerana sedikit sebanyak membantu meningkatkan taraf ekonomi mereka sendiri.

"Jika kita lihat pengalaman terdahulu, setiap kali gaji dinaikkan, harga barang turut naik. Namun jika pangkat atau tangga gaji yang naik, ekonomi semasa masih berada di tahap yang sama," katanya.



Muhammad Safian (tengah) menyampaikan sijil penghargaan kepada penjawat awam MPK pada majlis semalam.